



## KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR

KURSUS	:	PENDIDIKAN MORAL
KOD KURSUS	:	MPU 3023 / MPW 1153
PEPERIKSAAN	:	OKTOBER 2015
MASA	:	2 JAM 30 MINIT

## **ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (30 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (30 Markah)
  2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B dan **DUA (2)** soalan dari BAHAGIAN C.
  3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
    - i. Kertas Soalan
    - ii. Buku Jawapan
    - iii. Borang Jawapan Objektif

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 16 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



**BAHAGIAN A [30 MARKAH]**

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Moral berasal daripada perkataan Latin iaitu "moralis". Moral juga didefinisikan sebagai \_\_\_\_\_.
  - A. Tingkah laku dan amalan yang baik
  - B. Amalan dan perbuatan yang hina
  - C. Amalan dan kelakuan yang kurang sopan
  - D. Tatasusila dan peraturan yang salah
2. Berikut merupakan pembahagian jenis kemoralan menurut "Harry Bowne"  
**KECUALI**
  - A. Kemoralan peribadi
  - B. Kemoralan mutlak
  - C. Kemoralan kendiri
  - D. Kemoralan sejagat
3. "Memberi dan menerima rasuah merupakan salah satu amalan yang tidak diterima oleh semua manusia yang bermoral di dunia ini yang mana rasuah membawa kesan buruk serta ciri ketidakadilannya terhadap pihak lain".

Apakah jenis kemoralan bagi amalan di atas berdasarkan jenis kemoralan yang dikategorikan oleh Harry Bowne

- A. Kemoralan peribadi
- B. Kemoralan mutlak
- C. Kemoralan kendiri
- D. Kemoralan sejagat

4. Menurut Grassian V. (1987), etika didefinisikan sebagai
- Ilmu berkenaan prinsip-prinsip akhlak atau moral
  - Kajian falsafah tentang moral, iaitu tentang kelakuan yang baik, sikap moral, keadilan sosial dan tanggungjawab moral dan ciri-ciri kehidupan yang baik
  - Pandangan manusia dalam berperilaku menurut ukuran dan nilai yang baik
  - Cabang falsafah yang membicarakan tentang nilai dan norma moral yang menentukan perilaku manusia dalam hidupnya
5. Menurut Ahmad Khamis (1999), terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi amalan etika. Antara faktor tersebut adalah
- Perbezaan sifat manusia
  - Keturunan
  - Persekutaran
  - Adat dan Kebiasaan
- i dan ii
  - i, ii dan iii
  - ii, iii dan iv
  - Semua di atas
6. Akhlak berasal daripada kalimah bahasa Arab "khuluk". Akhlak dari segi bahasa bermaksud
- Tabiat
  - Adat
  - Norma
  - Undang-undang

7. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi perkembangan moral atau pembentukan moral seseorang individu. Berikut merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi **KECUALI**

- A. Persekutaran sosial iaitu keluarga, rakan sebaya dan sekolah
- B. Makanan
- C. Jantina
- D. Agama

- 8.
- Apakah kita meletakkan kenderaan/parking di petak yang betul?
  - Mungkinkah saya meletakkan kenderaan/parking di tempat lain?
  - Mungkinkan kenderaan saya menghalang

Kenyataan di atas merujuk kepada prinsip peraturan moral. Apakah prinsip peraturan moral yang sesuai merujuk kepada keadaan di atas?

- A. Prinsip Autonomi
- B. Prinsip Altruisme
- C. Prinsip Keadilan
- D. Prinsip Kesamarataan

9. Peraturan agama adalah berdasarkan rukun dan prinsip yang terdapat dalam sesuatu agama yang mana peraturan ini terkandung di dalam Kitab-kitab suci agama masing-masing. Manakah antara berikut yang **BETUL**

- A. Injil : Hindu
- B. Tripitaka : Kristian
- C. Al-Quran : Islam
- D. Taurat : Sikh

10.

Seorang guru pelatih, telah menyempurnakan kerja kursus dengan baik tetapi markah yang diperolehnya rendah. Sekiranya guru ini mempunyai aliran pemikiran naturalis, dia hanya menerima keputusan itu seadanya dan tidak berusaha untuk mencari sebab mengapa dia mendapat markah yang rendah.

Berdasarkan pernyataan di atas, individu berkenaan adalah seseorang yang mempunyai pemikiran

- A. Pemikiran Naturalis
- B. Pemikiran Emotivis
- C. Pemikiran Instuisionis
- D. Pemikiran Rasionalis

11. Menurut Koo & Tan nilai merupakan

- A. Prinsip seseorang tentang apa yang betul dengan apa yang salah
- B. Kajian falsafah tentang moral iaitu tingkah laku yang baik
- C. Elemen utama pembentukan konsep-konsep moral dan sikap
- D. Standard dan prinsip dalam mempertimbangkan sesuatu benda(manusia, objek, idea, tingkah laku,dan situasi)

12. Prinsip-prinsip Agama Islam adalah

- i- Memelihara agama
  - ii- Memelihara nyawa
  - iii- Memelihara maruah dan keturunan
  - iv- Memelihara negara
- 
- A. i dan ii
  - B. i, ii dan iii
  - C. i, iii dan iv
  - D. ii, iii dan iv

13. Antara padanan berikut, manakah padanan yang **BETUL** tentang sistem nilai dalam Islam?

- A. *Wajib* – Mesti buat
- B. *Sunat* – Diberi pilihan buat atau tidak
- C. *Harus* – Digalakkan buat
- D. *Haram* – Nilai yang dibenci, elok dihindari

14. Ajaran Kristian adalah bersumberkan kepada kitab suci Bible yang mengandungi “Old Testament” dan “New Testament”. Kedua-dua lembaran ini menyentuh perkara yang berbeza dalam sistem nilai dan etika yang berkaitan dengan kehidupan. Yang mana “Old Testement” menyentuh tentang nilai dan etika dan “New Testement” menyentuh tentang akhlak kehidupan sehari-hari.

Manakah antara berikut **BUKAN** nilai-nilai kehidupan sehari-hari yang terkandung di dalam “New Testement”?

- A. Jauhi 7 perkara haram: *Houhtiness, lying, murdering, plotting, evil, eagerness, to do wrong, a false witness and sowing discord*
- B. *Be humble and gentle*
- C. Kebenaran tentang kesengsaraan
- D. Jesus sebagai Tuhan

15. Agama Hindu merupakan agama tertua di dunia. Agama Hindu juga disebut sebagai

- A. Sathya (Amanah)
- B. Santhana Dharma (Kekal abadi)
- C. Ahimsa (Ikhlas)
- D. Aparigraha (Murah hati)

16. \_\_\_\_\_ merujuk kepada akhlak yang harus dimiliki oleh setiap individu dalam kehidupan sehari-hari.

- A. Niyamas
- B. Asteya
- C. Bramacharia
- D. Yamas

17. \_\_\_\_\_ merujuk kepada akhlak yang lebih umum merujuk kepada sifat yang harus dimiliki dalam konteks bermasyarakat.

- A. Niyamas
- B. Asteya
- C. Bramacharia
- D. Yamas

18. Buddhisme adalah agama budaya yang diasaskan di India oleh

- A. Guru Nanak
- B. Gautama Buddha
- C. Lao Tze
- D. Kung Fu Tze

19. Manakah antara berikut merupakan "Empat Kebenaran Mulia" yang ditekan oleh ajaran Buddhisme

- i- Sathya
- ii- Nirwana
- iii- Trisha
- iv- Dukkha

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. ii, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

20. Menurut agama Buddhisme, untuk mencapai kepada "Empat Kebenaran Mulia", seseorang penganut Buddha perlulah melepassi satu tahap yang disebutkan sebagai "Jalan Mulia Lapan Lapis".

Manakah antara berikut merupakan tiga kelompok moral yang diketengahkan dalam "Jalan Mulia Lapan Lapis"

- A. Sila, Samadhi, Trisha
- B. Sila, Samadhi, Dukkha
- C. Sila, Samadhi, Nirwana
- D. Sila, Samadhi, Panna

21. Agama Sikh diasaskan oleh

- A. Guru Nanak
- B. Gautama Buddha
- C. Kung Fu Tze
- D. Lao Tze

22. Agama Sikh menetapkan lima peraturan sebagai amalan hidup dan tanggungjawab setiap penganut agama Sikh, manakah antara berikut kenyataan yang **SALAH**

- A. Kesh - Rambut Panjang
- B. Kanga - Memakai seluar putih
- C. Kara - Memakai gelang besi di tangan
- D. Kirpan - Memakai pedang pendek

23. Konsep "**Karma**" iaitu balasan baik dan buruk diketengahkan oleh agama

- A. Buddhisme
- B. Islam
- C. Kristian
- D. Sikh

24. Ajaran Confucius membahaskan dua persoalan etika dan kehidupan iaitu Lima Kebaikan (*Five Virtues*) dan Lima Hubungan (*Cardinal Relations*).

Antara berikut manakah yang terkandung di dalam Lima kebaikan (*Five Virtues*)

- i- *Ren* (berperikemanusian)
- ii- *Li* (Propriety)
- iii- *Yi* (righteousness)
- iv- *Zhi* (Wisdom)

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. ii, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

25. Manakah antara berikut pernyataan yang **BENAR** tentang Prinsip Autonomi

- A. Tindakan yang saksama dan menghormati orang lain apabila membuat sesuatu keputusan
- B. Tingkah laku atau pertimbangan moral yang melibatkan orang lain
- C. Tindakan memusuhi dan mengabaikan orang lain
- D. Sesuatu pertimbangan yang dilakukan secara bebas tanpa dipengaruhi oleh unsur luaran

26. Manakah antara berikut pernyataan yang **BENAR** tentang Prinsip Keadilan

- A. Tindakan yang saksama dan menghormati orang lain apabila membuat sesuatu keputusan
- B. Tingkah laku atau pertimbangan moral yang melibatkan orang lain
- C. Tindakan memusuhi dan mengabaikan orang lain
- D. Sesuatu pertimbangan yang dilakukan secara bebas tanpa dipengaruhi oleh unsur luaran

27. Manakah antara berikut pernyataan yang **BENAR** tentang Prinsip Altruisme

- A. Tindakan yang saksama dan menghormati orang lain apabila membuat sesuatu keputusan
- B. Tingkah laku atau pertimbangan moral yang melibatkan orang lain
- C. Tindakan memusuhi dan mengabaikan orang lain
- D. Sesuatu pertimbangan yang dilakukan secara bebas tanpa dipengaruhi oleh unsur luaran

28. Peranan agen moral dalam proses sosialisasi memainkan peranan penting terhadap pembentukan moral individu, manakah antara berikut merupakan agen moral

- i. Keluarga
- ii. Masjid
- iii. Sekolah/institusi pendidikan
- iv. Media massa

- A i, ii dan iii
- B i, iii dan iv
- C ii, iii dan iv
- D i, ii, iii dan iv

29. Berikut merupakan unsur-unsur yang boleh merosakkan proses sosialisasi  
**KECUALI**

- A. Internet dan laman sosial
- B. Telefon Bimbit
- C. Keluarga
- D. Media Massa

30. "Seorang kanak-kanak perempuan yang bernama Sarah di kurung dalam biliknya oleh ayahnya dari umur 20 bulan hingga 13 tahun. Sarah juga diikat pada satu kerusi dan tidak dapat menggerakkan badannya kecuali jari-jari dan tangannya. Keadaan di rumah Sarah sentiasa sepi dan sunyi membuatkan Sarah tidak mendengar sebarang bunyi. Sarah sering dipukul oleh ayahnya jika dia membuat bising. Disebabkan ini, Sarah menjadi seorang yang memendam segala perasaan, ini mungkin disebabkan dia selalu terikat pada kerusi, tidak dapat berdiri tegak, lari dan melompat. Oleh yang demikian, kesan daripada perbuatan ayahnya, Sarah menjadi seorang yang pendiam namun kadangkala menjadi terlalu agresif, memberontak dan ganas sehingga kadangkala sukar dikawal seolah-olah melepaskan segala kemarahan dan tekanan yang ditanggung selama ini"

Berdasarkan situasi di atas, Sarah dilihat sebagai seorang yang berkelakuan tidak normal seperti kanak-kanak lain yang seusia dengannya. Sarah juga dilihat tidak mempunyai nilai-nilai kemanusian semula jadi manusia iaitu kanak-kanak yang seusia dengannya seperti ceria dan suka bermain-main.

Manakah antara berikut **BUKAN** faktor yang menyebabkan pembentukan moral dan diri Sarah merujuk situasi di atas

- A. Sarah tidak melalui proses sosialisasi yang betul
- B. Sarah tidak diletakkan di dalam persekitaran masyarakat yang sempurna seperti kanak-kanak lain
- C. Sarah tidak diberi peluang bergaul dan berinteraksi dalam masyarakat sehingga menyebabkan perkembangan mental, emosi, dan fizikalnya terganggu.
- D. Sarah diberi didikan dan kasih sayang yang mencukupi

**BAHAGIAN B [40 MARKAH]**

Jawab **SEMUA** soalan.

**SOALAN 1**

- a) Berikan definisi Moral.  
(2 Markah)
- b) Nyatakan **empat (4)** contoh perlakuan yang bermoral dalam kehidupan seharian kita.  
(8 Markah)

**SOALAN 2**

- a) Berikan definisi berikut secara ringkas:
- Etika
  - Akhhlak
- (2 Markah)
- b) Huraikan secara ringkas jenis nilai berikut beserta contoh:
- Nilai Instrumental
  - Nilai Instrinsik
  - Nilai Objektif
  - Nilai Subjektif
- (8 Markah)

**SOALAN 3**

Nyatakan secara ringkas **lima (5)** perbezaan antara Moral, Etika dan Akhhlak.

(10 Markah)

**SOALAN 4**

a) Berikan definisi pernyataan di bawah secara ringkas beserta contoh bagi setiap ayat berikut:

- i. Pernyataan normatif
- ii. Pernyataan deskriptif

(4 Markah)

b) Terangkan secara ringkas teori-teori etika di bawah:

- i. Teori Kemoralan Sosial
- ii. Teori Keperibadian Mulia
- iii. Teori Teleologi

(6 Markah)

**BAHAGIAN C [30 MARKAH]**

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

**SOALAN 1**

Seks bebas merupakan salah satu daripada isu moral yang melibatkan remaja masa kini. Seks bebas juga disebut sebagai seks rambang, seks luar nikah dan perbuatan terlanjur. Perbuatan ini juga tidak dibenarkan dalam agama terutama agama Islam. Selain itu, ianya juga tidak dibenarkan oleh institusi perkahwinan. Seks bebas juga termasuk di dalam kategori perbuatan yang tidak bermoral kerana ia dianggap melanggar prinsip atau peraturan yang diterima secara rasional di dalam kehidupan masyarakat.

Oleh yang demikian, terangkan kesan moral yang berlaku akibat amalan seks bebas ini terutama terhadap golongan remaja di masa kini.

(15 Markah)

**SOALAN 2**

LGBT merupakan singkatan daripada perkataan *Lesbian*, *Gay*, *Bisexual* dan *Transgender*. LGBT adalah suatu perbuatan dan perlakuan yang bertentangan dengan nilai dan adat kehidupan manusia. Tambahan itu, ianya ditegah atau dilarang di dalam agama terutama agama Islam. Penubuhan dan pergerakan golongan ini disokong dan diikhiraf di negara barat, akan tetapi berbeza di Malaysia yang mana terdapatnya undang-undang yang menghalang aktiviti homoseksualiti. Isu LGBT ini merupakan salah satu isu moral tentang suatu amalan yang bercanggah dengan nilai moral masyarakat yang perlu dibendung. Maka, jika ianya tidak ditangani dengan baik, akan merosakkan masyarakat terutama golongan remaja.

Huraikan peranan agama dan moral sebagai salah satu unsur penting dalam menangani amalan atau perbuatan LGBT.

(15 Markah)

### SOALAN 3

Buli adalah perbuatan mendera dan mempermainkan seseorang, kebiasaannya dilakukan terhadap individu yang lemah yang cuba menyesuaikan diri dengan keadaan atau tempat baru. Ianya semata-mata untuk menggertak, mencederakan serta menakutkan individu lemah secara mental dan fizikal bagi yang baru hendak menyesuaikan diri di tempat baru. Buli juga boleh dikatakan sebagai tindakan negatif, tidak bermoral dan merupakan salah satu jenayah popular dalam kalangan remaja belasan tahun. Biarpun ianya bukan isu baharu, namun sehingga kini, penyelesaian yang ada kini masih belum mampu mengurangkan bilangan kes buli dan kecederaan juga kematian yang berlaku di negara Malaysia ini (Berita Harian, 2013). Oleh yang demikian, pihak yang berkenaan perlu memainkan peranan penting bagi menangani isu buli ini.

Berdasarkan pendapat anda, jelaskan peranan agen moral dalam menangani kes buli ini.

(15 Markah)

### KERTAS SOALAN TAMAT

